

TAHNIAH. Ultra telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran," kata saya secara bergurau dan beliau menjawab secara serius, "Saya tidak mengakui diri saya sebagai ultra."

"Ini adalah label yang telah ditampalkan kepada saya dan kerana ada label atau cap ini, apa yang saya kata dan buat sekalipun benar atau tidak, maka dianggap sebagai pelampau," katanya lagi.

Ini adalah dialog permulaan interviu saya dengan Dr. Mahathir sebaik sahaja beliau diumumkan menjadi Menteri Pelajaran di dalam bulan September 1974.

Bila mendengar pengumuman perlantikannya itu saya segera menelefonnya ke sebuah hotel di Kuala Lumpur di mana saya tahu beliau sedang berada dan meminta untuk menginterbiunya.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau akan pulang ke Alor Setar pada petang itu juga dan tidak ada masa untuk interviu panjang, tetapi kalau mahu, katanya, interviu di dalam motokar dari hotel tempat tinggalnya hingga ke Lapanganterbang Subang.

Itu sudah cukup bagi saya dan saya segera berkejar ke hotelnya. Bila sampai, beliau dan isterinya Doktor Asmah telah berada di pintu muka hotel dan motokar dari FIMA sudah menunggu. Ketika itu beliau masih bertugas penuh sebagai Pengerusi FIMA.

Beliau memberitahu Dr. Asmah "you duduk di hadapan dan I dan Zam duduk di belakang, kerana dia nak interviu."

Segan

Setelah menghantarnya di Lapanganterbang Subang, pemandu kereta FIMA ini membawa saya kembali ke bandar Kuala Lumpur.

Dan kalau beliau sedar yang beliau bersalah, maka beliau tidak keberatan untuk mengakui secara terus-terang kesilapannya dan meminta maaf.

Contohnya ketika saya berada di London di dalam bulan Julai, 1975, Dr. Mahathir yang ketika itu menjadi Menteri Pelajaran telah menghantar kepada saya satu salinan surat jawapannya kepada kabel Kesatuan Melayu United Kingdom mengenai penarikan balik biasiswa kepada pelajar-pelajar tertentu di Malaysia.

Beliau mahu tahu dari saya sama ada ahli-ahli KMUK berpeluang membaca surat itu.

Antara lain surat

Dr. Mahathir

Dr. you are very blunt

'Yes I am, I cannot be otherwise'

tekun belajar dan lulus peperiksaan dengan cemerlang.

"Masih banyak usaha yang mesti kita lakukan dan sebarang tindakan yang menghalang kemajuan orang Melayu adalah satu jenis sabotaj. Penuntut-penuntut yang menghalang pencapaian pelajaran oleh penuntut bumiputera Melayu adalah orang yang menderhaka kepada bangsanya.

"Penuntut ini kalau dibiar bermaharajalela di kampus akan menjejaskan cita-cita bangsa dan menghalang usaha memperseimbangkan kaum-kaum di Malaysia.

"Bilangan mereka ini kecil tetapi kesan sabotaj mereka terhadap kejayaan bangsa "is out of all proportion to their numbers". Mereka ini tidak harus dipertahankan.

"Saya bertindak "with a clear conscience" dan saya harap pihak tuan-tuan ada conscience yang clear bila mempertahankan orang-orang yang mengsabotaj bangsa mereka sendiri."

Itulah antara lain surat yang ditulis sendiri

Dr. Mahathir dengan Tan Sri Syed Jaafar Albar, Ketua Pemuda UMNO Malaysia, tetapi lial itu tidak dapat mengabui matanya terhadap jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh Allahyarham kepada negara.

Perkara ini telah tersemat dihatinya sejak lama dahulu. Lama sebelum kematian Tan Sri Syed Jaafar Albar.

Di dalam satu pertemuan di sebuah hotel di London, Doktor Mahathir telah memperhentikan Tan Sri Syed Jaafar Albar di dalam beberapa hal dan dia bertanya kepada saya "ketika orang-orang ini berjuang mati-matian untuk kemerdekaan, apakah mereka pernah memikirkan nasib masa depan mereka, apakah mereka mengharap apa yang mereka dapat sekarang dan apakah mereka memikirkan apakah yang akan terjadi kepada mereka?"

Bila Tan Sri Syed Jaafar meninggal dunia, Dr. Mahathir lah yang membuat keputusan bahawa ia hendaklah di kuburkan di kawasan Makam

dan Tengku Bendahara Kedah tetapi apabila melalui di hadapan Tunku, Dr. Mahathir telah meminta Tunku supaya mendahulunya.

Bagi Tunku yang menilai protokol, tentulah amat merasakan penghormatan yang ditunjukkan oleh Dr. Mahathir itu.

Di dalam pilihanraya Negeri Kelantan yang baru lalu, Dr. Mahathir telah ditanya mengenai kemungkinan PAS menggunakan issue 'Qato' Harun, Dr. Mahathir menjawab "saya tak tahu sama ada penderitaan orang lain patut dijadikan issue pilihanraya. Jika ini dilakukan, ia merupakan satu tabiat yang tidak baik dan patutkah orang Islam melakukannya?"

Di dalam penerbangan dengannya ke Alor Setar di dalam bulan April lalu, saya telah mengemukakan tentang apa yang banyak dikatakan orang tentangnya, "Dr. you are very blunt", dan beliau menjawab, "Yes, I am. I cannot be otherwise." (Doktor sangat lancang! Ya, memang benar dan

45 ✓

"Saya segan dan malu dengan doktor ini," kata pemandu ini, yang saya sudah lupa namanya. "Kenapa?" tanya saya.

"Bila saya membawanya pulang dari sesuatu lawatan waktu malam dia bertanya tak mengantuk ke dan memintak untuk memandu menggantikan saya kalau saya mengantuk" kata drebar ini sambil menambah, "takkanlah saya nak beridua bawa."

Ketika itu Doktor Mahathir adalah Pengerusi FIMA, tetapi sama ada masa beliau sebagai hanya seorang doktor, Pengerusi FIMA, sebagai Menteri Pelajaran ataupun sebagai Timbalan Perdana Menteri, demikianlah sifatnya. Beliau tidak berubah. Simple dan tidak dapat mengadakan jurang antaranya dengan rakyat.

Setengah orang yang baru mengenalinya mungkin terkejut dengan cakap-cakapnya yang terus terang, keras, pedas dan tegas, dan mungkin menyangka bahawa itu adalah sifat-sifat barunya, tetapi sebenarnya itulah suatu sikap semula jadinya, dari dulu, dari sejak beliau belum menjadi menteri

tersebut berbunyi:

"Saya percaya sebabnya kabel itu dihantar ialah oleh kerana tuantuan ingin lihat penuntut-penuntut Melayu khususnya bukan sahaja dapat peluang belajar tetapi juga berhasil pelajarannya.

"Peluang belajar untuk penuntut yang ingin belajar tidak akan tersekat kerana tindakan kerajaan. Mereka akan dapat balik biasiswa mereka.

"Tetapi ada penuntut yang bukan sahaja tidak ingin belajar tetapi dengan aktiviti mereka telah menyekat penuntut yang ingin belajar menteruskan pelajaran mereka. Mereka ini meng-

ganggu pelajaran di universiti dengan mengadakan berbagai-bagai perlistiwa hampir tiap-tiap hari dengan berbagai issue yang "real" atau "imagined" sehingga kerap kali kuliah-kuliah terdapat kosong, perpustakaan tidak diguna, peperiksaan tidak boleh diambil."

"Sementara penuntut ini berbuat demikian, di institusi-institusi swasta dan di Tunku Abdul Rahman College, penuntut bukan bumiputera

oleh Dr. Mahathir kepada KMUK.

Saya telah bertanya kepada pihak KMUK sama ada surat itu diedarkan kepada ahli-ahlinya atau tidak. Presidennya Encik Muhammad Abu Bakar menunjukkan di surat asalnya ada ditandakan "Sulit".

Saya memberitahu Dr. Mahathir mengenai perkara itu dan beliau menjawab, menyatakan rasa dukacitanya kerana salah faham tentang maksud perkataan "sulit" yang digunakan oleh S. U. Peribadinya.

Di samping meminta saya menyampaikan permintaan maaf kepada KMUK, dalam suratnya, beliau membidas pula ruangan corat-coret saya dari London yang disiarkan oleh Utusan Malaysia setiap minggu.

Antara lain katanya, "Corat-coret dari London masih saya baca tetapi tidak begitu menarik pada masa yang akhir-akhir ini. Namanya saudara begitu tertarik hati dengan adat resam British "Yes, what do you want love," dan sebagainya.

Meskipun umum mengetahui pertentangan pendapat antara

Pahlawan.

Dan demikian juga di dalam hubungannya dengan Yang Teramat Mulia bekas PM Tunku Abdul Rahman. Beliau telah cuba sejak perlantikannya ke dalam kabinet untuk membuktikan kepada Tunku bahawa pertikaian yang pernah timbul antaranya dengan Tunku hanya dari segi pendapat. Tidak lebih dari itu. Beliau menghormati Tunku sebagai bapa kemerdekaan dan seorang yang liberal.

Bila Tunku telah diletakkan (salah tempat dari segi protokol di upacara hari keputeraan Sultan Kedah, 29 Januari lalu, Dr. Mahathirlah yang segera menyedarinya.

Akhir Star keluaran 30 Januari, 1978, menulis "if not for thoughtful gesture by Deputy Prime Minister, Datuk Sri Dr. Mahathir, The Tunku would have been further embarrassed.

(Sekiranya tidak kerana ingatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir maka Tunku tentulah di dalam keadaan yang lebih serba salah lagi).

Dr. Mahathir dijadualkan meninggalkan majlis itu selepas Sultan

saya tidak dapat menukarkannya lagi).

Katanya, "kita mesti mengajar orang-orang Melayu menerima realiti, memberitahu mereka secara terus-terang apa yang menasabah dan tidak menasabah dan apa yang mereka boleh dapat dan tidak boleh dapat."

Beliau bersikap demikian kepada rakyat dikawasannya Kubang Pasu. Permintaan mereka yang tidak dapat ditunaikan dikatanya, "tidak boleh," dan kalau ada jemputan yang tidak dapat dipenuhinya maka diberitahunya "tidak dapat."

"Saya tidak dapat memberikan janji-janji kosong hanya semata-mata untuk menyukakan hati mereka," katanya.

Ditanya tidakkah beliau bimbang sekiranya sikap demikian akan menyebabkan timbul salah-faham di kalangan orangramai.

Dr. Mahathir menjawab, "itu terserah kepada rakyat. Rakyat di kawasan saya telah melihat apa yang dapat saya buat dan berikan kepada mereka dan apa yang tidak dapat saya berikan kepada mereka.